

Belanjawan 2001 diharapkan jana pertumbuhan ekonomi

BH 2 2 OCT 2000

SELEPAS dua tahun mengalami defisit, Belanjawan 2001 dikatakan lebih 'mesra' iaitu mencatat lebihan. Apa pandangan Tan Sri?

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyatakan belanjawan kali ini mungkin mencatat belanjawan lebihan. Tapi, sebenarnya kita kena tunggu pembentangan belanjawan oleh Tun Daim Zainuddin. Saya berharap seperti harapan kebanyakan orang ramai, tentulah kali ini belanjawan lebihan, kalau tidak keyakinan daripada pelabur asing akan terjejas.

Jadi, kita berharap akan ada 'surplus' (lebihan) dalam akaun semasa. Ada dua akaun kita perlu perhatikan di sini iaitu akaun semasa dan akaun keseluruhan. Akaun semasa ialah pendapatan selepas ditolak perbelanjaan. Jika berlaku defisit di situ, itu tidak baik kerana kita perlu meminjam. Kalau wang pinjaman itu digunakan untuk pelaburan yang baik seperti membina sekolah, hospital dan sebagainya, ia tidak bermasalah kerana ia akan merangsang pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung.

Mengapa Tan Sri mengaitkan belanjawan kali ini dengan pelabur asing? Apakah belanjawan kali ini cukup penting kepada dunia luar?

Saya fikir kali ini fokusnya bagaimana untuk mengembalikan semula keyakinan pelabur dan menarik ahli perniagaan asing. Ini penting kerana kita perlu membuat orang ramai berada dalam keadaan selesa berdasarkan kedudukan ekonomi kita pada masa sekarang. Orang asing sebenarnya kagum kerana selepas dua tahun, kita berjaya keluar daripada kepompong kegawatan dan prestasi ekonomi semakin sihat.

Tetapi dua bulan terakhir ini, nampak keduadukannya agak perlahan. Kalau kita berbual dengan ahli perniagaan, mereka bertanya mengapa ekonomi negara tidak begitu rancak. Jadi, di sini kita perlu mencari puncanya. Pada pandangan saya, tidak lain disebabkan masalah yang saya sebutkan awal tadi, iaitu faktor keyakinan. Pasaran saham kita umpamanya tidak berjalan dengan baik dan bila ini berlaku, pelabur yang mengalami kerugian tidak lagi bersemangat, sekali gus keyakinan mereka juga sedikit demi sedikit terhakis.

Krisis keyakinan ini samalah dengan faktor manusia. Bila badan tidak sihat, macam mana lazat pun makanan di depan kita, selera kita tetap menolaknya. Jadi 'mood' (keinginan) sekarang tidak lagi bagus. Jadi, jika belanjawan mencatat lebihan, 'mood' ini boleh berubah.

Pentingkah perlunya belanjawan kali ini menyuntik insentif baru atau petunjuk positif terhadap pasaran saham?



Saya berharap begitulah. Malah, orang ramai berharap kerajaan dapat menarik semula peraturan levi keluar 10 peratus bagi penghantaran keuntungan daripada urus niaga saham. Daripadanya, kita tidak berapa banyak memperolehi sumber pendapatan. Tapi, kalau kita memansuhkannya, saya yakin negara akan mendapat lebih banyak habuan ekonomi kerana lebih ramai orang akan datang melabur.

Bukannya apa, ramai yang mengeluh kerana mereka terpaksa mengisi terlalu banyak borang. Kalau mereka pergi ke Thailand, Indonesia atau Singapura, mereka tidak perlu membayar levi keluar. Jadi, ini lebih memudahkan mereka.

Perlu ditegaskan, amat perlu kita mewujudkan iklim atau suasana perniagaan yang lebih mudah, licin dan lebih relaks. Serupalah kalau kita pergi ke kedai. Kalau hendak beli buah-buahan, kita diwajibkan mengisi borang, isytihar jenis buah, berapa timbangan dan harganya. Kali kedua kita mungkin tidak akan datang lagi ke kedai itu.

Selain levi, apa lagi mekanisme menarik yang mungkin diumumkan dalam belanjawan kali ini?

Saya fikir duti import juga perlu dikurangkan lagi. Mengapa ia perlu kerana kira-kira dua atau tiga tahun lagi kita akan memasuki Kawasan Perdagangan Bebas Asia (Afta). Pada masa itu semua duti import mesti dihapuskan. Jadi, apa lagi kita tunggu? Kita perlu memulakan langkah berkenaan mulai sekarang. Sebelum ini pun, banyak duti import sudah dikurangkan.

Satu lagi ialah kita perlu melihat semula sistem menetapkan kadar tukaran ringgit. Jadi, saya harap kerajaan akan membuat *adjustment* (ubah suai) sedikit. Kalau boleh dihapus-

MENANGANI kelembapan pasaran saham, usaha me pelabur asing dan strategi memantapkan ekonomi d menjadi fokus utama Belanjawan 2001, Jumaat ini. setiap kali pembentangan belanjawan, pasti ada se berita gembira untuk penduduk luar bandar, golongan berpendapatan rendah dan 'durian runtuh' untuk kal sektor awam. Apakah ramalan dan jangkaan dalam belanjawan abad ke-21 yang bakal dibentangkan ol Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin? Wartawan Minggu, ZAINUDIN ISA menemu bual ahli ekonomi y bekas Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kev Tan Sri Ramon Navaratnam yang menghuraikan aral dan struktur belanjawan kali ini.

kan atau relaks sedikit, ia lebih bagus. Kita akui bahawa apabila kita berhadapan zaman kesukaran (ketika kegawatan), kerajaan memperkenalkan kawalan mata wang. Ia ternyata amat berkesan. Tapi sekarang kita (ekonomi) sudah pulih. Keadaannya sama apabila kita diserang demam. Kita telan ubat.

Tetapi apabila sudah sihat, kita tidak perlu makan ubat lagi kerana khuatir akan mendaftangkan masalah lain pula. Jadi, kita perlu menjadikan ekonomi kita lebih kompetatif. Kalau kita terus melindungi pengeksport kita, bagaimana mereka mahu bersaing dengan dunia luar?

Tapi mungkin implikasinya besar jika kita menarik semula kawalan mata wang itu. Tidakkah penyangak mata wang akan menyerang kita seperti 1997 lalu?

Kalau kita memansuhkan sistem penetapan (kadar mata wang) ini dan kita kembali dengan sistem biasa, penanam modal akan masuk dan mereka boleh membuat spekulasi tukaran wang. Benar, mereka kata langkah ini akan memudahkan penyangak mata wang menyerang semula ekonomi kita. Tetapi, kini perlu faham hakikat bahawa Malaysia sudah pulih dan ekonominya kuat. Kita boleh melaksanakan mekanisme automatif, iaitu apabila mereka mahu serang (ekonomi), kita boleh menampakan dan mempertahankan ekonomi kita dengan pantas. Kita boleh memperkenalkan mekanisme kawalan mata wang tanpa sebarang kadar tukaran tetap. Kita kurangkan sedikit kadar itu, misalnya pada masa sekarang RM3.80 bagi satu dolar AS. Kita boleh memperkenalkan kadar anjal, misalnya kadar tukaran di antara RM3.50 dan RM3.80.

Rasionalnya jelas, iaitu mereka tidak boleh serang dengan mudah kalau ekonomi kita kuat.

PROFIL

NAMA: Tan Sri Ramon Navaratnam

UMUR: 65 tahun

JAWATAN KINI: Penasihat Korporat Kumpulan Sungei Way dan Ahli Majlis Perundingan Ekonomi

Negara Kedua (Mapen II).

PENDIDIKAN: Sarjana

Muda Ekonomi Universiti Malaya di Singapura (1959);

Sarjana Pengurusan Awam (Ekonomi) Universiti Harvard, Amerika Syarikat pada 1969

KERJAYA: Menyertai perkhidmatan awam kerajaan mulai Ogos 1959 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial (1959-1961); Setiausaha Rendah di Bahagian Ekonomi

Perbendaharaan (1972-1978; Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (1979-1986); Ketua

Setiausaha Kementerian Pengangkutan (1986-1989; Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif Bank

Buruh Berhad (1989-1994).

PENGALAMAN: Pengarah Eksekutif Gantian Bank

Dunia mewakili Kumpulan Pemilih Asia Tenggara

(1971-1972); Wakil Pertama Kerajaan dalam

Jawatankuasa Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur

(BSKL) (1985) dan Ahli Jawatankuasa Pelan

Pembangunan Negara (1989); Pengarah Institut

Kepemimpinan dan Strategik Asia (Asli) (1994-1995).



Misalnya, kalau belanjawan lebihan, imbalan pembayaran baik dan rizab asing tinggi, ini semua petanda kukuhnya kedudukan ekonomi kita. Persoalan yang membelenggu sekarang ialah berapa lama kita harus bertahan (menetapkan kadar tukaran ringgit).

Pada pendapat saya, inilah masa yang sesuai untuk kita berbalik kepada sistem tukaran biasa secara perlahan-lahan, tapi bukan hapuskan terus. Saya fikir pihak kerajaan juga serius memikirkan perkara ini. Mereka mempunyai pakar dan bijak pandai dalam Kementerian Kewangan, dalam Bank Negara. Memanglah pihak pengeluar dan pengeksport memperoleh untung dan tentunya mereka tidak mahu sistem sekarang. Tapi kita bimbang bila berlaku inflasi, pengguna akan menanggung senggara kerana harga barang naik disebabkan sebahagiannya oleh faktor inflasi yang diimport itu tadi.

Belanjawan sebelum ini dikatakan kurang memberi tumpuan terhadap menarik pelabur terus asing (FDI) ke dalam negara dan mengikut laporan, Malaysia adalah negara terendah menerima FDI di rantau ini. Apakah Tan Sri fikir belanjawan kali ini perlu memperkenalkan insentif baru?

Suka saya nyatakan, Malaysia sudah terlalu banyak memberi dan memperkenalkan insentif kepada pelabur dana asing. Negara lain juga mempunyai insentif. Malah, Dr Mahathir pernah berkata, bukan orang asing datang ke sini semata-mata insentif. Mereka juga melihat apakah negara itu stabil, apakah peniaga tempatan sedia bekerjasama dan menjadi rakan niaga strategik yang baik. Semua itu kita memilikinya dan kita mempunyai rekod yang baik. Satu-satunya masalah sekarang ialah se-

rangan sentimen. Pelabur asing terutama Amerika Syarikat (AS), mereka fikir kita anti-AS, mereka dakwa Perdana Menteri kita bersuara lantang dan mereka tidak dapat menerimanya.

Sebenarnya, tidak ramai yang berani bersikap seperti Dr Mahathir kerana mereka mendapat bantuan AS, jadi mulut mereka diikat. Oleh itu, mereka mula menyerang semula kita, melalui tindakan media massa dengan kempen memburuk-burukkan negara kita. Mereka menyamakan kita dengan Thailand, Filipina dan Indonesia bahawa Malaysia dari segi ekonomi dan kestabilan politiknya masih tidak baik. Kita akan terperanjat kerana kebanyakan ahli kongres Amerika tidak pernah menjejakan kaki ke negara luar, apatah lagi ke Malaysia. Jadi, sikap dan pemikiran mereka sempit. Bagaimana kita mahu menilai atau mendapat maklumat tulen kalau kita belum lagi melihat keadaan sebenar negara itu?

Tapi langkah promosi dan menarik pelabur asing ini sentiasa giat dilakukan oleh pemimpin negara?

Ya, itu tidak dapat dinafikan. Soalnya, berapa kali mereka boleh ke sana. Amerika sebuah negara yang besar dan berapa banyak kumpulan sasaran yang boleh mereka beri penjelasan dan maklumat. Mereka mempunyai berjuta ahli perniagaan. Mereka sebenarnya bergantung daripada media massa dan individu tertentu yang mungkin membenci dan memburukkan negara kita. Ini masalah besar yang perlu kita hadapi.

Jadi, saya berharap ia tidak saja ditangani melalui belanjawan kali ini, tetapi tindakan keseluruhannya dalam perancangan dan stra-

Malaysia keluar daripada

BH 22 OCT 2000

DARI MUKA 12

tegi ekonomi kita yang akan datang. Apa caranya, sama ada kita kaunseling mereka atau kita menjadi kurang kritikal.

Ramai beranggapan belanjawan kali ini sebagai satu isyarat jelas bahawa Malaysia sudah pulih daripada kegawatan. Apa komen Tan Sri?

Saya fikir kita boleh bermegah bahawa kita sudah keluar daripada krisis kegawatan. Ini berdasarkan dalam tempoh suku tahun pertama ini, pertumbuhan ekonomi kita sangat tinggi, iaitu tujuh hingga lapan peratus. Ini adalah satu petanda bahawa tiada kegawatan. Tapi persoalannya, bagaimana untuk mempertahankan prestasi ekonomi kita supaya terus kukuh dan kuat.

Tapi, ada sesetengah pihak sebelum ini tidak begitu yakin dengan pemulihan ekonomi disebabkan prestasi bursa saham kita yang merosot kebelakangan ini.

Kalau perkara itu (kelembapan pasaran saham) diambil kira, saya fikir ia bukannya satu penilaian yang tepat. Itu silap. Memang benar kebanyakan masyarakat biasa berpendapat apabila bursa saham tidak berapa baik, mereka kata ekonomi kita belum pulih sepenuhnya. Sebenarnya, faktor yang perlu menjadi ukuran ialah melihat asas ekonomi kita, iaitu sama ada belanjawan defisit atau surplus, adakah inflasi meningkat atau tidak.

Bagi saya inflasi sekarang agak rendah, iaitu dua hingga tiga peratus setahun. Begitu juga pertimbangan sama ada akaun imbalan pembayaran semasa kita mencatat lebihan atau tidak. Adakah rizab luar meningkat dan akhirnya adakah pertumbuhan ekonomi kita negatif atau positif.

Bagi masyarakat bawahan atau orang

kampung, persepsi mereka terhadap ekonomi mungkin lain. Mereka tidak begitu berminat kalau kita beri angka, statistik atau peratusan berkenaan. Perkiraan mereka mudah saja, adakah kereta di jalan masih banyak atau tidak, apakah harga barangan mahal atau sebaliknya. Satu lagi, sama ada anak-anak remaja menganggur atau tidak. Kalau semua asas ini kukuh, tiada siapa dapat menyangkal bahawa ekonomi negara sudah kembali pulih.

Mengenai kelemahan pasaran ini, ia bergantung kepada banyak faktor. Jika pasaran saham di New York jatuh, ia turut mempengaruhi seluruh dunia, termasuk Asia. Di Malaysia misalnya, banyak syarikat multinasional mempunyai pegangan saham di Bursa Saham New York dan ini ada pengaruh dan sentimennya. Tetapi, kejatuhan indeks saham New York sekarang tidak bermakna kita boleh katakan bahawa ekonomi AS menjadi lemah.

Setiap kali belanjawan, pasti ada seperti bayaran bonus dan sebagainya. Apakah Tan Sri fikir belanjawan kali ini ada pengumuman seperti ini?

Saya fikir kakitangan kerajaan sudah diberi banyak bonus. Bagi saya, belanjawan kali ini mereka tidak diberi bonus. Apa yang berlaku sekarang ialah gaji kakitangan dan pegawai kerajaan adalah rendah. Cuba kita amati, kalau beri bonus sebulan gaji, apa yang mereka boleh buat dengan duit sebanyak itu. Mereka habis belanja dengan pantas.

Ada dua masalah dalam perkhidmatan kerajaan. Pertama, gaji rendah dan kedua produktiviti juga rendah. Apa yang perlu kita buat ialah mereka yang produktif dan rajin bekerja, mereka diberi tangga gaji yang menarik serta kenaikan dengan lebih cepat. Ini saya fikir 'bonus' yang terbaik buat mere-

ka. Jangan beri ganjaran purata seperti sekarang kerana ada pekerja yang malas juga menikmati bonus yang sama dengan mereka yang rajin. Jadi tiada bezanya.

Daripada pengalaman Tan Sri, golongan rakyat mana yang perlu diberi keutamaan dalam penyediaan belanjawan, khususnya peruntukan pembangunan?

Selalunya, dalam menyediakan dan merancang belanjawan, keutamaan diberikan kepada golongan rakyat berpendapatan rendah dan miskin. Daripada pengalaman saya selama 27 tahun di Perbendaharaan, bila menteri dan pegawai kanan merancang, mereka terarah untuk membantu rakyat di kampung, estet dan kampung baru Cina.

Tetapi sekarang jangan lupa, orang miskin bukan tinggal di luar bandar saja, tapi setinggan di bandar perlu diambil kira. Misalnya, kalau dalam belanjawan kita mengumumkan pengurangan cukai, ia tidak berfaedah kepada mereka di kampung. Jadi,

kegawatan ekonomi

di mana belanjawan boleh membantu mereka? Tidak lain ialah melalui perbelanjaan untuk pembangunan. Kita mesti memperuntukkan projek dan program berfaedah buat mereka. Kalau kita pergi ke luar bandar, kemudahan perubatan masih diperlukan lagi. Begitu juga dengan sekolah, kemudahan rekreasi dan bantuan sosial lain. Ini yang perlu diteruskan dalam belanjawan kali ini.

Tan Sri setuju bahawa kita tidak lagi terlalu memberi tumpuan terhadap projek mega yang dikatakan sesetengah pihak sebagai membazir dan membawa kepada kegawatan?

Projek mega bermakna projek besar. Meskipun besar, tidak bermakna ia tidak berguna atau membazir. Kalau kita buat misalnya tugu yang besar, tentunya ia tidak berfaedah. Menara Kembar Petronas misalnya, adakah ia tidak berfaedah? Bangunan itu dipenuhi dengan penyewa. Jadi, bagi saya pembinaan projek mega boleh dilaksanakan asalkan ia memberi keuntungan dan pendapatan kepada rakyat dan negara. Misalnya, kalau nak bina projek mega perumahan, itu bagus sebab ramai rakyat boleh menikmati faedah. Begitu juga pembinaan jalan raya, lebuh raya atau pelabuhan, itu amat penting bagi menjana ekonomi negara.

Sekarang sibuk pula mengenai satu lagi bentuk keperluan iaitu K-Ekonomi. Adakah K-ekonomi menjadi sebahagian keutamaan kerajaan dalam belanjawan kali ini?

Pada pandangan saya k-ekonomi tidak akan berjalan lancar di Malaysia, kecuali kita membuat lebih banyak pelaburan terhadap sektor pendidikan. Amat penting pelajar dan remaja di luar bandar diberi lebih banyak kemudahan untuk mempelajari ilmu teknologi maklumat (IT). Jika ini tidak di-

laksanakan mulai sekarang, akan berlaku jurang yang besar. Kita perlu mengenal pasti golongan penduduk teramai yang masih miskin. Siapa? Tidak lain ialah orang Melayu atau Bumiputera.

Kalau mereka tidak diberi kemudahan pembelajaran, dalam 10 tahun lagi golongan Melayu, Cina atau India yang kaya yang mempunyai kemudahan komputer, jurangnya semakin membesar lagi. Oleh itu, peluang untuk menyemarakkan pengetahuan komputer dan ilmu harus digembleng, tidak kira mereka anak petani, nelayan, Melayu, Cina atau India.

Selain program kerajaan, saya berpendapat kita harus galakkan sektor swasta memberi sumbangan, seperti mengadakan program anak angkat sekolah luar bandar. Sebenarnya K-Ekonomi amat baik jika ia dilaksanakan dengan teliti. Tapi, hakikatnya hari ini kita tidak boleh lari daripadanya. Dunia semakin berubah dengan pantas, dan mahu atau tidak kita mesti bersedia.

Ada pula yang mungkin mengaitkan berita belanjawan lebih kali ini kononnya lebih berobjektifkan politik. Bagaimana pandangan Tan Sri dalam hal ini?

Kalau anda lihat, kebanyakan orang tidak menyertai politik. Sejak saya keluar daripada sektor kerajaan, saya sampai hari ini tidak menyertai mana-mana parti politik, tapi saya berminat mengetahui politik semasa. Apabila kerajaan mengadakan belanjawan yang baik, ia sebenarnya tidak bermatlamat untuk menjaga politik atau parti memerintah saja. Ia untuk semua pihak. Jadi, arah aliran belanjawan sekarang lebih berorientasi belanjawan rakyat. Ini bermakna setiap individu mesti mendapat faedah. Ia juga mesti selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum.